

# BSMM terima sumbangan CSR Hotel Tiara

Oleh Henry Bating

**LABUAN:** Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Wilayah Persekutuan Labuan kelmari menerima sumbangan barangan dan pakaian terpakai dari Hotel Tiara Labuan.

Pengurus Hotel Tiara Labuan Eugene Chin berkata, sumbangan itu merupakan sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada masyarakat khususnya

penduduk yang tinggal di Labuan.

"Dalam pertemuan itu juga telah dibincangkan program usaha sama di antara Bulan Sabit Merah Malaysia dan Hotel Tiara Labuan pada masa hadapan," katanya.

Sumbangan itu telah disampaikan Eugene kepada Pengerusi BSMM Labuan Datin Christine Mungee.

Hadir sama dari Hotel Tiara ialah Awangku Ismail, Haekal Danial, Muhammad Shafiq Medil, Angela Luntau

dan sukarelawan dari BSMM Labuan.

Dalam ucapannya, Christine berharap lebih ramai pihak tampil membantu BSMM Labuan untuk melaksanakan pelbagai program kemasyarakatan.

Sebanyak 21 kotak barangan keperluan harian dan pakaian terpakai diserahkan Eugene kepada BSMM dengan harapan pelbagai pihak dapat saling membantu melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.



**SUMBANGAN:** Eugene (kanan) menyampaikan sumbangan kepada Christine.



**SOSIAL:** Eugene (tengah) bersama 21 kotak sumbangan untuk BSMM Labuan.